

GARIS PANDUAN DAN SYARAT PENULISAN ARTIKEL (KAJIAN PENYELIDIKAN TINDAKAN)

Syarat dan Format Penulisan:

1. Asli (belum diterbitkan dalam mana-mana penerbitan dalam dan luar negara atau dalam proses *review*).
2. Artikel berbentuk artikel penyelidikan atau kajian tindakan atau kertas konsep berkaitan tema SPPA.
3. Penulisan antara 4000 - 5000 patah perkataan termasuk rujukan dan lampiran atau maksimum **dua belas** muka surat.
4. Penulisan yang berbentuk empirikal perlulah mempunyai abstrak,
5. Ditaip langkau satu baris (*single spacing*) termasuk pada tajuk, jadual / rajah dan abstrak.
6. Tulisan di dalam rajah/jadual adalah font 10.
7. Ditaip dalam teks menggunakan *Times New Roman*, font 11.
8. Jarak satu baris (1.0 *lines*) di antara perenggan.
9. Setiap muka surat mempunyai nombor di bahagian bawah tengah.
10. Guna laras bahasa ilmiah. Tatabahasa baik dan pilihan kata sesuai. Penggunaan istilah selaras dan kemas kini. Tiada ayat kompleks atau istilah yang sukar difahami. Tiada ayat tergantung. Tiada *jargon* iaitu perkataan atau ekspresi teknikal yang sukar difahami.
11. Penulisan artikel haruslah mengikut format penulisan *American Psychological Association (APA) 7th edition*.
12. Artikel penuh perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) **Microsoft Word** ke pautan berikut : <https://forms.gle/WMPEuy2Y1ErbuRrg6>
13. Tarikh akhir penghantaran artikel penuh ialah **sebelum atau pada 26 Ogos 2024 (Isnin) jam 11.59 malam**.

Tajuk tidak lebih 15 patah perkataan, (Times New Roman, font 11) *centre, bold, Capitalize Each Word*

Nama Penyelidik Utama
Alamat e-mel
Nama Penyelidik Kedua
Alamat e-mel
Jabatan dan Institut / Universiti

Abstrak (Bahasa Melayu - *centre, bold, Sentence case*)

(Kandungan Abstrak: Ayat Pengenalan; Tujuan Kajian; Metodologi; Dapatan Utama; Implikasi Kajian)
(tidak lebih 200 patah perkataan)

Kata kunci: (Lima perkataan atau frasa yang merupakan fokus kajian - (tidak *bold, Sentence case*)

Abstract (Bahasa Inggeris - *centre, italic, Sentence case, bold*)
(*not more than 200 words*)

Keywords: (*Five words or phrases which your research focuses on – italic, tidak bold, Sentence case*)

(Penerangan umum tentang tajuk kajian dalam satu perenggan sahaja).

Refleksi Pembelajaran dan Pengajaran atau Pengalaman Melaksanakan Tugas (*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

- Refleksi juga boleh dilakukan ke atas pengalaman seperti aktiviti yang dilalui oleh diri sendiri, pelajar, kemahiran, persekitaran, isi kandungan mata pelajaran, bahan pengajaran dan komunikasi.
- Melihat kekuatan dan kelemahan amalan sendiri dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P) / pelaksanaan tugas.
- Mengingat kembali pengalaman yang telah dilalui dan mempertimbangkan serta membuat penilaian untuk mengenal pasti tema, masalah, isu atau keprihatinan bagi kajian tindakan yang hendak dijalankan.

Fokus Kajian(*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

Berdasarkan refleksi, fokus kepada satu daripada beberapa masalah yang dinyatakan. Secara ringkasnya penentuan fokus kajian perlu memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- Masalah yang memerlukan tindakan segera. Masalah tersebut merupakan keutamaan daripada dua atau lebih masalah yang telah dikenal pasti.
- Penyelesaian masalah itu penting untuk penyelidik, pelajar atau tempat penyelidik bertugas.
- Data boleh dikutip dengan cepat dan mudah dalam situasi di tempat kerja terutamanya berkaitan P&P.
- Bidang kajian berada dalam ruang lingkup kuasa penyelidik untuk bertindak.

Tinjauan Masalah(*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

Semasa membuat tinjauan awal, penyelidik mengumpul data dengan menggunakan beberapa instrumen kajian, bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang sesuatu masalah di samping membantu penyelidik memahami masalah yang telah dikenal pasti dengan lebih mendalam. Sebelum merancang, penyelidik perlu mengenal pasti masalah yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Penyelidik boleh mengutip data dengan menggunakan pelbagai kaedah, contohnya dengan menggunakan soal selidik, menjalankan temu bual, membuat pemerhatian, menjalankan ujian, membuat analisis dokumen (hasil kerja pelajar, jadual kedatangan, rekod keputusan ujian/peperiksaan, rekod latar belakang pelajar dan sebagainya).

Analisis Tinjauan Masalah*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Data yang telah dikumpul perlu dianalisis untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam proses P&P. Masalah-masalah itu disenaraikan mengikut keutamaannya. Antara masalah-masalah yang diberi keutamaan adalah seperti berikut:

- i. Masalah yang mengongkang kemajuan pembelajaran pelajar;
- ii. Masalah yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pembelajaran dan pengajaran;
- iii. Masalah yang memerlukan tindakan penyelesaian segera.

Setelah masalah dikenal pasti, penyelidik perlu membuat huraian dari data yang dianalisis dan persembahkan data dalam bentuk yang sesuai seperti jadual, carta dan sebagainya.

Tinjauan literatur:

- Tiada tajuk khas seperti dalam penyelidikan asas tetapi dimasukkan dalam mana-mana bahagian dalam laporan mengikut keperluan. Tinjauan literatur tentang kajian lalu perlu dikritik dengan mengemukakan taksiran kelemahan dan kelebihan.
- Biasanya dibuat untuk mencari bidang fokus. Bidang fokus penting disokong oleh kajian-kajian lepas bagi membolehkan penyelidik membandingkan pandangan sendiri dengan pandangan penyelidik-penyelidik lain.
- Menjelaskan kebimbangan atau keprihatinan terhadap sesuatu isu atau permasalahan.
- Berbentuk perbincangan kritikal, memberi celik akal dan kesedaran tentang hujah-hujah, teori-teori atau pendekatan yang dikemukakan oleh penyelidik-penyelidik lain.

Objektif Kajian*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Objektif merupakan tujuan yang ingin dicapai oleh penyelidik melalui kajian berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti. Objektif perlu boleh diukur, dilaksanakan atau memberi perubahan kepada amalan dalam P&P / pelaksanaan tugas.

Kumpulan Sasaran*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Kumpulan sasaran merupakan kumpulan pelajar atau individu-individu yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan. Kumpulan tersebut mestilah terdiri daripada kumpulan yang terlibat dalam isu/permasalahan kajian dan situasi sosial penyelidik.

Pelaksanaan Kajian*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Cara Mengumpul Data*(Align left, bold, Capitalise Each Word)*

Huraikan secara terperinci cara-cara mengumpul maklumat. Semasa membuat tinjauan, kumpul data dengan menggunakan beberapa instrumen kajian. Hal ini bertujuan mendapatkan gambaran awal tentang sesuatu masalah dan membantu penyelidik memahami masalah yang telah dikenal pasti dengan lebih mendalam. Memandangkan penyelidik perlu mengenal pasti masalah yang terdapat dalam P&P mereka atau dalam proses melaksanakan tugas, penyelidik boleh mengutip data dengan menggunakan pelbagai kaedah, antaranya dengan menggunakan soal selidik, menjalankan temu bual, membuat pemerhatian, menjalankan ujian dan membuat analisis dokumen (hasil kerja pelajar, jadual kedatangan, rekod keputusan ujian/peperiksaan, rekod latar belakang pelajar dan sebagainya).

Analisis tinjauan masalah*(Align left, bold, Capitalise Each Word)*

Analisis tinjauan masalah dilakukan dengan membuat jadual atau apa jua bentuk ‘*data display*’ bagi menunjukkan bahawa penyelidik telah mengumpul data/maklumat untuk mengetahui bagaimana masalah itu timbul dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Data yang telah dikumpul perlu dianalisis untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi di mana masalah-masalah itu disenaraikan mengikut keutamaannya. Data boleh dianalisis dengan mencari tema atau kategori berdasarkan temu bual, pemerhatian atau dokumen.

Tindakan menangani masalah*(Align left, bold, Capitalise Each Word)*

Merancang tindakan atau intervensi bagi mengatasi masalah yang difokuskan merupakan proses merancang aktiviti-aktiviti intervensi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti sebagai fokus kajian. Nyatakan semua aktiviti, bahan-bahan dan cara membuat pemerhatian untuk menguji keberkesanan tindakan/aktiviti yang telah dijalankan ke arah meningkatkan kemahiran pelajar bagi menangani masalah yang sedang dikaji. Bagi menentukan tindakan intervensi yang hendak dijalankan, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian iaitu:

- Memastikan matlamat tindakan intervensi selaras dengan objektif kajian.
- Menentukan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti.
- Mengenal pasti bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti.
- Menetapkan cara pemantauan dan kaedah penilaian bagi menentukan tindakan intervensi yang dijalankan berkesan dalam usaha memperbaiki amalan. Caranya seperti ujian, soal selidik, temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan sebagainya.
- Meletakkan penanda aras pencapaian minimum tindakan intervensi untuk mengesahkan keberkesanannya.

Dalam peringkat melaksanakan tindakan bagi mengatasi masalah yang menjadi fokus, penyelidik perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti intervensi mengikut ketetapan rancangan tindakan. Walau bagaimanapun, masih dibenarkan mengubah suai rancangan tindakan sekiranya keadaan memerlukan.

Hasil Kajian dan Perbincangan*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Pastikan hasil kajian menjawab setiap objektif

Refleksi*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Akhirnya, proses refleksi dilakukan sekali lagi terhadap tindakan intervensi yang telah diambil Contoh:

- Huraikan tindakan anda dengan menggunakan data/maklumat yang telah dikumpulkan.
- Terangkan perubahan tingkah laku pelajar melalui pemerhatian
- Terangkan perubahan emosi pelajar
- Huraikan perasaan penyelidik terhadap kajian yang telah dijalankan).

Cadangan Kajian Seterusnya*(Centre, bold, Capitalise Each Word)*

Pastikan cadangan kajian dalam bentuk praktikal dan berdasarkan hasil kajian. Anda boleh meneruskan kajian tindakan dengan mengambil tindakan susulan (gelungan kedua). Jika hasil kajian anda tidak berjaya, anda boleh menulis seperti berikut: “Memandangkan kajian tindakan yang telah saya jalankan tidak berjaya, maka saya akan menggunakan tindakan/aktiviti-aktiviti lain untuk menangani isu ini.” Jelaskan tindakan yang akan diambil

Rujukan(*Centre, bold, Capitalise Each Word*)

Sepuluh dan lebih rujukan.

Relevan (Sekiranya berbentuk kajian, tidak lebih lima tahun daripada tahun semasa);

Semua rujukan dalam teks disenaraikan dengan lengkap di akhir penulisan mengikut format *APA 7.0*.

Semua rujukan yang disenaraikan hendaklah mengikut format *APA 7.0*

Cara penulisan jadual

Jadual 1(tidak *centre*, tidak *italic*, *bold*, tiada ':')

Tajuk tidak diletakkan sebaris dengan label jadual, tetapi diletakkan di bawah) (tidak *centre*, *italic*, tidak *bold*, *Capitalize Each Word*)

Contoh :

Jadual 5

Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Komitmen Kerja Guru.

Dimensi	Jumlah item	Nilai <i>cronbach alpha</i> (α)
Komitmen kepada sekolah	9	0.911
Komitmen kepada murid	9	0.947
Komitmen kepada profesion	7	0.880
Komitmen kerja guru keseluruhan	25	0.957

Sumber: Soal selidik (2020)


Cara penulisan rajah

Rajah 1 (tidak *centre*, tidak *italic*, *bold*, tidak *uppercase*, tiada ':')

Tajuk tidak diletakkan sebaris dengan label jadual, tetapi diletakkan di bawah) (tidak *centre*, *italic*, tidak *bold*, *Capitalize Each Word*).

Rajah 1

Kerangka Konsep Kajian.



Sumber: Mohamad (2020)